

Headline	Yayasan MyKasih, BHPetrol beri petrol kepada 40 keluarga		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	03 Jun 2014	Circulation	314,000
Section	Nasional	Readership	942,000
Page No	20	ArticleSize	362 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 12,431
Journalist	N/A	PR Value	RM 37,293
Frequency	Daily		



Yayasan MyKasih, BHPetrol beri petrol kepada 40 keluarga

Petaling Jaya: Seramai 40 keluarga dari Kampung Sungai Kayu Ara di sini, mendapat petrol bernilai RM20 sebulan selama setahun, mulai bulan ini.

Program julung kali itu diperkenalkan Yayasan MyKasih dengan syarikat BHPetrol menjadi penaja bersama.

Pegawai Khas kepada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Sharifah Azizah Syed Zain, berkata keluarga berkenaan hanya perlu menggunakan MyKad ketika membeli petrol di stesen BHPetrol Kampung Sungai Kayu Ara, selain diperuntukkan RM80 se-

bulan bagi membeli makanan.

Katanya, bantuan itu serba sedikit akan melegakan mereka dan memudahkan kehidupan masyarakat di sini.

“Saya berharap lebih banyak

pihak tampil membantu golongan yang memerlukan bantuan kerana masalah kebajikan dan saraan rumah tangga tiada penghujung,” katanya pada majlis pelancaran program Subsidi Petrol BHPetrol dan Yayasan MyKasih di stesen BHPetrol Kampung Sungai Kayu Ara di sini, semalam.

Beliau mewakili Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun. Hadir sama, Pengarah Urusan Yayasan MyKasih, Jeffrey Perera; Pengarah Urusan BHPetrol, K T Tan dan Pemegang Amanah Yayasan MyKasih, Datuk Badlisham Ghazali.

Ringankan beban isi rumah

Sementara itu, Jeffrey berkata, keputusan memperluaskan program pemberian petrol berkenaan tertakluk kepada

hasil program dan jumlah derma yang diterima.

“Selain itu, kita dalam proses memperluaskan program sebegini dalam bentuk pembayaran bil elektrik. Ini semua bagi meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah,” katanya.

Tan pula berkata, program pemberian petrol akan diteruskan di stesen lain atau sebaliknya, tertakluk kepada sambutan yang diterima daripada keluarga terbabit.

“Kita berharap projek perrintis ini berjalan lancar sebelum mempertimbangkan untuk memperluaskannya ke stesen lain,” katanya.

Jurujual, Sumiyeh Madulla, 44, bersyukur kerana menerima bantuan petrol selama setahun, sekali gus meringankan bebaninya berulang-alik ke tempat kerja dengan menunggang motosikal.



Azizah (dua dari kanan) bersama Badlisham (tengah), Pengarah Peruncitan BHPetrol, James Khoo (dua dari kiri) dan Tan (kiri) beramah mesra dengan Siti Halimah Sabran yang menerima subsidi petrol pada program Subsidi Petrol BHPetrol dan Yayasan MyKasih di stesen BHPetrol Kampung Sungai Kayu Ara di Petaling Jaya, semalam.

[FOTO SALHANI IBRAHIM/BH]